

→ MUKA DUA

'Dasar dirancang kerajaan BN bersandar isi hati orang muda'



[FOTO LUOMAN HAKIM ZUBIR/BH]

Najib bersalaman dengan orang ramai ketika hadir pada Majlis Pelancaran Hari Gerakan Belia 4B Malaysia dan Karnival Sukan Muhibah 2018 di Homestay Banghuris di Kampung Ulu Chucoh, Sepang semalam.

→ 80,000 aspirasi belia bagi TN50 ditapis untuk pelan tindakan: PM

Oleh Irwan Shafrizan Ismail news@nstp.com.my

► Sepang

Datuk Seri Najib Razak menegaskan, pembangunan dan perubahan terancang yang dilaksanakan kerajaan Barisan Nasional (BN) adalah berdasarkan gagasan yang datang daripada isi hati orang muda.

Perdana Menteri berkata, sehingga hari ini, 80,000 aspirasi orang muda untuk Transformasi Nasional 2050 (TN50) dikumpulkan dan akan ditapis untuk pelan tindakan golongan terbaik.

Katanya, beliau sengaja memilih pendekatan mengumpul input orang muda kerana percaya kepentingan masa hadapan negara adalah untuk generasi berkenaan.

"Asas utama saya melahirkan

gagasan TN50 adalah untuk apa? untuk siapa? bukan untuk saya, tapi untuk orang muda.

"Hari ini tanggungjawab sebagai pemimpin adalah bukannya bermain politik atau buat dasar jangka pendek dan populis, tetapi mesti buat dasar daripada isi hati dan gagasan besar untuk memberi harapan kepada orang muda.

Impian orang muda dipenuhi

"Kalau kerajaan terus dipimpin oleh BN, impian orang muda akan terus dapat kita penuhi, insya-Allah," katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Hari Gerakan Belia 4B Malaysia dan Karnival Sukan Muhibah 2018 di Homestay Banghuris di Kampung Ulu Chucoh di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar; Ketua Menteri Melaka,



Hari ini tanggungjawab sebagai pemimpin adalah bukannya bermain politik atau buat dasar jangka pendek dan populis, tetapi mesti buat dasar daripada isi hati dan gagasan besar untuk memberi harapan kepada orang muda"

Najib Razak, Perdana Menteri

Datuk Seri Idris Haron dan Presiden Gerakan 4B Malaysia, Mohd Nizam Omar.

Najib berkata, kerajaan hari ini terbuka kepada pandangan orang muda dan tidak seperti Perdana Menteri sebelum ini yang menongkong rakyat menerusi Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) atau operasi besar-besaran seperti Ops Lalang.

Katanya, beliau percaya kepada kebebasan sivil yang lebih kepada orang muda dan kerana itu, kerajaan menghapuskan ISA supaya masyarakat tidak dikongkong dalam ketakutan oleh pemimpin diktator atau autokratik.

"Saya juga menjadi mangsa kepada berita palsu dan menerima pelbagai kecaman, tapi saya terima inilah demokrasi.

"Sebagai kerajaan yang dipilih secara demokrasi, kita beri ruang kepada kritikan, tetapi biarlah ber-

tanggungjawab dan berasaskan fakta, bukannya fitnah.

Berita palsu tak beretika

"Berita-berita palsu seperti isu pengundi Bangladesh dan blackout seperti yang disebar ketika Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) lalu adalah contoh perbuatan yang tidak beretika," katanya.

Beliau berkata, pelbagai lagi inisiatif kerajaan yang dibentuk untuk orang muda, antaranya program Pendidikan Teknik dan Latihan Vokasional (TVET) yang akan dilancarkan secara besar-besaran tidak lama lagi, Parlimen Belia, Felo Perdana serta mewujudkan Bandar Belia atau Youth City.

"Bandar Belia akan diwujudkan di tiga buah negeri. Yang pertama di Tanjung Malim, Perak. Jika (BN) menang di Selangor, boleh wujudkan di Selangor," katanya.



WAKTU SOLAT

IBADAT & FADILAT

Al-Bara' RA berkata Rasulullah SAW bersabda: "Hiaskanlah al-Quran kamu dengan suara yang merdu: menambahkan kecantikan al-Quran." (Mustadrak Hakim)

Kawasan	Sobuh	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
Kangar	6:18	1:35	4:55	7:31	8:42
Alor Setar	6:18	1:35	4:55	7:31	8:42
P. Pinang	6:17	1:35	4:55	7:32	8:43
Ipoh	6:14	1:33	4:53	7:31	8:42
Kuala Lumpur	6:10	1:30	4:50	7:29	8:40
Shah Alam	6:10	1:30	4:50	7:29	8:40
Johor Bahru	6:00	1:22	4:41	7:22	8:33
Kuantan	6:05	1:25	4:45	7:24	8:35
Seremban	6:08	1:29	4:48	7:28	8:39
Bandar Melaka	6:07	1:28	4:47	7:28	8:39
Kota Bharu	6:14	1:28	4:48	7:24	8:31
K. Terengganu	6:05	1:24	4:44	7:21	8:32
Kota Kinabalu	5:14	12:32	3:52	6:29	7:40
Kuching	5:35	12:57	4:16	6:57	8:08

PILIHAN TERTINGGI

BH ONLINE

- Tahun Baharu Cina: Semua sekolah kena patuh arahan
- Gol Puskas kedua dari Malaysia?
- Aksi KL-JDT tangguh
- Wanita Arab Saudi tidak perlu berjubah
- Keputusan penuh aksi Liga Super